



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**
 Semester & Year : May - August 2021
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks
SOALAN 2 – Tatabahasa
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)

Petikan (i)

Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Jason: Awak pergi ke mana semalam, Encik Yusof?

Yusof: Saya pergi ke rumah abang saya di Port Dickson.

Jason: Awak keluar dari rumah pukul berapa?

Yusof: Saya keluar dari rumah pada jam lapan pagi dan sampai di sana pada jam sebelas pagi.

Jason: Awak pergi dengan siapa?

Yusof: Saya pergi dengan isteri dan anak-anak saya. Kami menaiki kereta.

Jason: Apa yang awak buat di sana?

Yusof: Saya melawat abang dan kakak ipar saya. Mereka menjemput kami makan tengah hari di sana.

Jason: Wah, seronoknya! Adakah awak mandi di laut Port Dickson?

Yusof: Tidak. Kami tidak mandi kerana hujan lebat. Kami terus tidur di rumah abang saya dan pulang pagi tadi kerana esok saya perlu bekerja.

Jason: Menarik cerita awak! Saya ingin sana minggu depan. Harap tidak hujan kerana saya mahu mandi laut.

Yusof: Bagus juga itu. Semoga percutian awak juga berjalan lancar.

1. Ke mana Yusof pergi semalam? **(2 markah)**
2. Bagaimanakah Yusof pergi ke sana? **(2 markah)**
3. Siapa yang pergi bersama dengan Yusof? **(2 markah)**
4. Apakah **DUA (2)** perkara yang dilakukan oleh Yusof di rumah abangnya? **(2 markah)**
5. Mengapakah Yusof tidak mandi laut? **(2 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Hari ini Ayato mendaftar di Universiti Putra Malaysia. Dia mengambil program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris. Dia dari Jepun. Ayato anak tunggal. Umur dia dua puluh tahun. Hobi Ayato memancing ikan. Dia selalu memancing ikan di kolam berdekatan dengan universitinya. Di Malaysia, dia tinggal dengan keluarganya.

Bapa Ayato bernama Sasuke dan berumur lima puluh lapan tahun. Bapa Ayato seorang ahli perniagaan. Dia membuka restoran makanan Jepun di Kuala Lumpur. Bapa Ayato sangat sibuk. Dia selalu pulang lewat ke rumah. Dia seorang yang peramah dan penyayang. Walaupun sibuk, dia akan membawa anak dan isterinya berjalan-jalan pada hari Ahad.

Ibu Ayato bernama Naoki. Umurnya lapan tahun lebih muda daripada Sasuke. Dia tidak bekerja. Hobi dia menjahit dan menonton drama Melayu. Naoki pandai bercakap bahasa Melayu kerana dia selalu belajar dengan jiran-jirannya di Malaysia.

Mereka bertiga sangat suka tinggal di Malaysia.

1. Di manakah Ayato belajar? **(2 markah)**
2. Apakah pekerjaan bapa Ayato? **(2 markah)**
3. Apakah **DUA (2)** hobi Naoki? **(2 markah)**
4. Apakah **DUA (2)** sikap positif Sasuke? **(2 markah)**
5. Bagaimana ibu Ayato boleh bercakap bahasa Melayu? **(2 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah:

I. berbincang **(2 markah)**

II. berlari **(2 markah)**

III. berjalan **(2 markah)**

IV. memandu **(2 markah)**

V. berehat **(2 markah)**

(10 markah)

b) Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam bahasa Melayu.

1. We drank mineral water just now.
2. I played football yesterday.
3. They went to teacher's house last night.
4. He will become a clerk.
5. They play tennis every Friday.
6. She goes to the office everyday.
7. Every morning, he sends his son to college.
8. The kitten is jumping on the table.
9. Those children are washing clothes.
10. Hashim is writing a letter to his elder brother.

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang “Tempat Tinggal Saya”.

ATAU;

2. Ceritakan aktiviti yang berfaedah yang dilakukan pada hujung minggu.